

## BAB 11

### Pandangan Islam Tentang Institusi Masjid

#### 2.1 Pengenalan

Apabila umat Islam berbicara berkaitan dengan masjid, maka bererti berbicara berkaitan dengan punca tempat kehidupan yang terbentuk mengikut acuan Ilahi. Ia juga bererti berbicara secara langsung tentang kehidupan Islam seharian, sama ada aktiviti kerohanian maupun kebendaan. Berbicara mengenai masjid sama dengan berbicara mengenai hati masyarakat muslim, sebagai Ka'abah dan Masjid al-Harām yang menjadi jantung atau hati kepada alam Islam. Maka kesihatan alam Islam terhenti di atas sejauh mana umat Islam merancang memanfaatkan aktiviti-aktiviti yang berhubung dengan Masjid al-Harām dan Ka'abah terutama dalam ibadah haji. Apabila erat hubungan masyarakat Islam dengan masjid, maka kuat dan teguhlah masyarakat Muslim dan sebaliknya masyarakat Islam akan lemah dan runtuh jika fungsi masjid menjadi terpinggir dan dipinggirkan.

#### 2.2 Pengertian Masjid

Perkataan masjid berasal daripada bahasa Arab yang diambil daripada kata perbuatan (سجدة) (*sajada*) ( فعل ماضي) yang bererti dia telah sujud. Kemudian

dimasukkan awalan “mim” (م) menjadi nama tempat (اسم مکان) berbunyi masjid yang bermaksud tempat sujud. Jadi dari segi bahasa ia bererti tempat sujud menyembah Allah swt.<sup>39</sup>

Sebelum Islam, perkataan masjid sudah ada penggunaannya. Kemudian berkembang pada zaman Islam dan mulai mengambil makna yang baru sesuai dengan pengertian Islamnya. Dalam bahasa Arab perkataan *sajada* menunjukkan tunduk atau bongkok ke bumi. Sesorang itu dikatakan sujud apabila ia tunduk kepalanya dan melipatkan badannya ke bumi.<sup>40</sup> Ini adalah pengertian masjid secara *hissi*. Kemudian pengertian masjid itu bertukar makna *hissi* kepada makna maknawi yang membawa makna *khudū'* (خضوع) iaitu tunduk dan merebahkan diri. Setiap orang yang merendahkan diri dan tunduk kepada apa yang diperintahkan oleh Allah swt itu disebut sujud.<sup>41</sup>

Menurut kamus al-Marbawī, *sajada* bermaksud merendahkan diri atau menyembah Tuhan, *sajada, yasjudu, sujūd* bermaksud yang sujud menyembah Tuhan , masjid atau kata jama' *masājid* adalah masjid atau tempat sujud dan masjid juga bermakna dahi seorang yang kena di tempat sujud.<sup>42</sup> Kemudian pengertian masjid itu bertukar maknanya kepada makna ‘maknawi’ yang membawa erti *Khudū'* yang bererti tunduk dan merendahkan diri. Ibn Manzur memberi makna ‘Masjid’

<sup>39</sup> Muḥammad ‘Abd Allah al-Zarkashī (1385H), ‘Ālām al-Sājjid bī Aḥkām al-Masajid, Muḥammad Taufiq ‘Uwaidah, Qāhirah, hal. 26.

<sup>40</sup> ‘Abd Wahhab Hamudah (t.t.), *Fath al- Masjid 'ala al-Thaqāfah al-Islamiyah*, Buhuth Mu'tamar Risalah al-Masjid, Dār al- U'kāz li-Tabā'ah wa al-Nasr, Juddah, hal. 371 .

<sup>41</sup> *Ibid.*

<sup>42</sup> Muḥammad Idris ‘Abd al- Ra'uf al-Marbawī (1350H), *Kamus al-Marbawī*, al-Maṭba'ah Muṣṭafā al- Bābi al-Halabi, hal. 279.

ialah yang sujud padanya atau di dalamnya.<sup>43</sup>

Pengertian masjid dari segi istilah pula ialah tempat yang dilakukan sujud padanya. Menurut istilah syara', kata masjid bererti seluruh tempat di bumi ini. Ini adalah bersesuaian dengan hadis Nabi Muhammad saw yang berbunyi :

وَجَعَلْتُ لِي الْأَرْضَ مَسْجِدًا طَهُورًا

Maksudnya :

“...seluruh bumi ini telah dijadikan masjid (tempat sujud)  
yang bersih bagiku ”<sup>44</sup>

Jadi masjid adalah tempat sujud samada dalam pengertian bahasa dengan erti meletakkan dahi di atas bumi atau sujud menurut pengertian syara' dengan erti tunduk dan merendahkan diri. Ketundukan hamba inilah yang dinamakan ibadah. Ini bersesuaian dengan perkataan masjid sebagai tempat ibadah.

Daripada huraian di atas timbul tanda tanya “Mengapa masjid itu diambil daripada perkataan sujud dan tidak diambil daripada mana-mana perbuatan yang lain dalam sembahyang seperti *marku'* ( tempat ruku') dan sebagainya ?”. Jawapannya ialah kerana perlakuan sujud adalah satu rukun yang besar dan perbuatan yang paling mulia di dalam sembahyang berbanding dengan *ruku'* dan rukun-rukun sembahyang yang lain. Oleh sebab itu di dalam sujudlah seseorang hamba itu berada sangat

<sup>43</sup> Jamāl al-Dīn Muḥammad bin Maqrīzī (1990), *Lisan al-Arab*, Dār al-Fikr, Beirut, 3:204-205.

<sup>44</sup> al-Imam Abu Dawud Sulaiman ibn Al-'Asy'Asy (1978), *Sunan Abī Dāwūd*, Dār al-Kutub al- 'Ilmiyah , Beirut, 4: 228 .

hampir dengan Allah swt. Sabda Nabi Muhammad saw :

اقرب ما يكون العبد من ربه وهو ساجد

Maksudnya:

*"Sehampir-hampir seseorang hamba dengan TuhanYa adalah semasa ia berada dalam keadaan sujud ".<sup>45</sup>*

Pada masa sujud seseorang itu dapat merasakan kelemahan, kehinaan dan kerendahan dirinya semasa berhadapan dengan kekuasaan dan keagungan Allah swt dan Allah swt memerintahkan hambaNya bersujud kepadaNya sebagaimana Firman Nyanya :

وَسُجْدٌ وَأَقْرَبٌ

Maksudnya:

*"Sujudlah dan dekatlah diri kepada Allah swt ".*

Surah al-'Alaq(96):19.

Jadi nyatakan sujud adalah amalan yang sangat mulia dan tinggi nilainya di sisi Allah Swt. Oleh itu sangat sesuai nama masjid itu diambil daripada perkataan sujud. Pengertian tempat sujud ini kemudiannya diletakkan kepada rumah yang disediakan bagi perhimpunan umat manusia untuk bersembahyang. Tujuan utama dari pembinaan masjid ialah untuk dijadikan tempat beribadah kepada Allah swt.

<sup>45</sup> Abū al-Hussein Muslim bin al-Hajjāj al-Imām (1374), *Sahīh Muslim*, Dār al-Iḥyā' al-Kutub al-'Arabiyyah, Damsyik, hal. 184.

Pandangan beliau<sup>46</sup> bersesuaian dengan firman Allah swt :

فِي بَيْتِهِ أَذِنَ اللَّهُ أَن تُرْفَعَ وَيُذْكَرَ فِيهَا أَسْمُهُ، يُسَبِّحُ لَهُ وَفِيهَا بِالْغُدُوِّ  
وَالْأَصَالِ ﴿٢﴾ رِجَالٌ لَا نُلَهِّيهِمْ تِجَارَةً وَلَا بَيْعًا عَن ذِكْرِ اللَّهِ وَإِقَامِ  
الصَّلَاةِ وَإِيتَاءِ الْرَّكُوْةِ يَخَافُونَ يَوْمًا تَتَقَلَّبُ فِيهِ الْقُلُوبُ وَالْأَبْصَرُ

Maksudnya:

*"Nur hidayah pertunjuk Allah swt itu bersinar dengan nyata terutama sekali di rumah-rumah ibadah yang diperintahkan oleh Allah supaya memuliakan keadaannya dan disebut serta diperingatkan NamaNya, di situ juga dikerjakan ibadah mensuci dan memuji Tuhan di waktu pagi dan petang. Lelaki yang tidak dilalaikan oleh perniagaan dan jual beli dari mengingati Allah swt dan mengerjakan sembahyang dan mengeluarkan zakat ..."*

Surah An Nūr (24): 36-37.

Ayat di atas jika dilihat dari sudut harfiah, dalam pengertian yang terhad, masjid memang tempat sembahyang bahkan apabila disebut masjid, maka terlintas dan tergambar pada fikiran umat Islam, suatu rumah atau bangunan yang disediakan untuk ibadah sembahyang di dalamnya.

Tetapi pengertian masjid di dalam Islam bukan hanya sekadar sebagai tempat sembahyang sahaja, malah masjid menurut pandangan Islam mempunyai maksud dan tujuan yang lebih luas dan terperinci lagi. Ia bukan sahaja tempat ibadah, tetapi juga

---

<sup>46</sup> Abd Wahhab Hamudah, *Op. Cit.*, hal : 371.

sebagai tempat untuk menyelesaikan urusan keagamaan dan juga urusan keduniaan bagi umat Islam. Dengan lain perkataan, masjid adalah tempat untuk menyelesaikan urusan agama dan dunia tanpa ada pengasingan dalam kehidupan manusia.

Dr. 'Ali 'Abd Ḥalīm Maḥmūd menerangkan fungsi masjid pada zaman Nabi Muḥammad saw adalah tempat untuk pelbagai aktiviti iaitu menulis surat dan memilih pendakwah untuk dihantar kepada pemerintah asing, penginapan para imam, berkumpul para sahabat dan rakyat, tempat untuk bersembahyang, mengajar dan membaca al-Qur'an, berzikir, mengajar berbagai-bagai ilmu, memberi syarahan agama, berbincang soal politik negara, melantik gabenor dan pemimpin negara, menerima tetamu negara dan wakil-wakil dari kerajaan asing, merancang urusan pentadbiran negara, mengadakan mesyuarat dan sebagainya.

Dengan lain perkataan bolch dikatakan bahawa peranan masjid pada zaman Nabi saw adalah sebagai sebuah institusi dalam bentuk *multi function* (serba guna). Pada zaman Khulafā' ar-Rāsyidīn, peranan masjid tidak banyak berubah, seperti zaman sebelumnya. Dr. 'Ali 'Abd Ḥalīm Maḥmūd dalam bukunya menyatakan :

*"Masjid adalah tempat tinggal para Imam, tempat berkumpul seluruh rakyat. Nabi Muḥammad saw mengasaskan masjidnya di atas dasar takwa. Di dalamnya didirikan sembahyang, membaca al-Qur'an, berzikir, mengajar ilmu, syarahan agama, berbincang soal politik negara, memperkenal cerdik pandai Islam dan di dalamnya juga tempat orang-orang Islam berkumpul apabila ada urusan yang penting mengenai agama dan dunia mereka".<sup>47</sup>*

<sup>47</sup> 'Ali 'Abd Ḥalīm Maḥmūd, Dr. (1979), *al-Masājid wa Athāruh fil-Mujtama'* al-Islāmi, Dar al-Ma'rif, Qahirah, hal. 33.

## 2.3 Masjid Menurut al-Qur'an dan Sunnah

### 2.3.1 Masjid Menurut al-Qur'an

Dalam al-Qur'an banyak terdapat ayat-ayat mengenai masjid, al-Qur'an menyebut dengan perkataan *masjid* dua puluh kali, dengan perkataan *masājid* enam tempat dan *masjidan* dua kali.<sup>48</sup> Al-Qur'an ada menyatakan kemuliaan orang-orang yang memakmurkan masjid. Terdapat juga ayat-ayat yang melarang perbuatan-perbuatan yang merosakkan masjid dan perbuatan yang menegah orang lain daripada mengimarahkan masjid. Firman Allah swt:

إِنَّمَا يَعْمَلُ مَسَاجِدُ اللَّهِ مِنْ إِعْمَانِ الْأَنْذِلِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَعَاتَى  
الْأَزْكَوَةَ وَلَمْ يَخْشَ إِلَّا اللَّهُ فَعَسَى أُولَئِكَ أَنْ يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ

Maksudnya:

"Hanya yang memakmurkan masjid-masjid Allah ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan Hari Kemudian serta tetap mendirikan solat, menunaikan zakat dan tidak takut kepada sesiapa pun melainkan kepada Allah, maka mereka lah orang-orang yang diharapkan termasuk golongan orang-orang yang mendapat pertunjuk"

<sup>49</sup>

Menurut Ibn Kathir dalam mentafsirkan ayat ini telah menyebut beberapa

<sup>48</sup> Muhamad Fu'ad 'Abd al-Baqī (1996), *al-Mu'jam al-Mufahras al-Fāzīl al-Qur'an al-Karīm*, cet. 1, Dar al-Hadis, al-Qahirah, hal. 424.

<sup>49</sup> Ibn Kathir, al-Hafiz Abu al-Fida' Isma'il bin Kathir al-Qurasyi ( 2000 ), *Tafsir Ibn Kathir*, Dar al-Ihya', al-Kutub al-'Arabiyyah, Beirut, 2:340-341.

buah hadis Rasulullah saw untuk menjelaskan bahawa orang-orang yang memakmurkan masjid itu ialah orang-orang yang beriman. Antara hadis itu ialah, sabda Nabi Muhammad saw :

اذا رأيتم الرجل يعتاد المسجد فأشهدوا له بالإيمان

Maksudnya :

*“Apabila kamu melihat seorang lelaki selalu beribadah di masjid, maka kamu bersaksi baginya dengan iman ”<sup>50</sup>*

Sabda Nabi Muhammad saw lagi:

انما عمار المساجد هم اهل الله

Maksudnya:

*“Sesungguhnya orang-orang yang memakmurkan masjid-masjid , mereka itu adalah ahli Allah swt ”<sup>51</sup>*

Sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Asākir daripada Anas bin Malik bahawa Nabi Muhammad saw telah bersabda bahawa Allah swt telah berfirman yang maksudnya :

*“Demi kebesaran dan kemuliaanKu , sesungguhnya Aku telah bermaksud hendak mendatangkan azabKu kepada penduduk-penduduk di bumi, tetapi setelah Aku melihat orang-orang yang mengimarahkan rumahKu dan orang-orang yang berkasih sayang sesama mereka kerana Aku*

<sup>50</sup> Abū ‘Iṣa Muḥammad bin ‘Iṣa al-‘Arīmī (1975), *al-Jāmi’ al-Saḥīḥ, Sunan Tirmīzī*, Kitab Iman, Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī, Miṣr, 5:12 .

<sup>51</sup> Ibn Kathīr, Ismā’il bin Kathīr, *Op.Cit.*, 2:340. Hadis ini diriwayatkan oleh Abū Bakr al-Bazār daripada Jaafar bin Zaid dari Anas bin Malik .

*dan orang yang memohon ampun kepadaKu di waktu sahor, maka Aku palingkan azabKu itu daripada mereka”<sup>52</sup>*

Berdasarkan ayat-ayat al-Qur'an dan hadis itu dapatlah difahami bahawa salah satu petunjuk bagi orang-orang yang beriman kepada Allah ialah yang memakmurkan masjid. Memakmurkan masjid menurut pandangan Dr.Yusof al-Qarađawi ialah mendirikan sembahyang di dalamnya, berdoa, berzikir dan menegakkan syiar-syiarnya.<sup>53</sup> Ini menggambarkan bahawa betapa mulia dan tingginya kedudukan masjid-masjid di sisi Allah swt.

Manakala tanda bagi orang-orang yang tidak beriman pula ialah orang-orang yang tidak dapat memakmurkan masjid, sebagaimana firman Allah swt yang berbunyi :

مَا كَانَ لِلْمُشْرِكِينَ أَنْ يَعْمَرُوا مَسْجِدَ اللَّهِ شَهِيدِينَ عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ  
بِالْكُفَّارِ أُولَئِكَ حَيْطَثُ أَعْمَلُهُمْ وَفِي الْأَنْتَارِ هُمْ خَالِدُونَ

Maksudnya :

*“ Tidaklah layak orang-orang kafir itu memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah, sedangkan mereka menjadi saksi (mengakui) akan kekusuran diri mereka sendiri, mereka itu orang yang rosak binasa amalan-amalannya dan mereka pula kekal di dalam neraka ”.*

Surah At-Taubah (9):17.

<sup>52</sup> Ibn Kathīr, *Op.Cit*. Hadis ini diriwayatkan oleh al-Hāfiẓ al-Bahāī daripada ayahnya dari Abī Umaiyyah al-Tursusi dari Mansor dari Ṣalīḥ al-Marāī dari Sābit dari Anas, hadis ini adalah marfu'.

<sup>53</sup> Yusof al-Qarađawi, Prof.,Dr.(1990), *Huda al-Islām ; Fatāwā al-Mu'āṣarāt Dār al-Qalām*, Kuwait, 1:263.

Menurut Dr. Hamka di dalam menghuraikan ayat yang dimaksud “tidak adalah bagi orang-orang musyrikin akan memakmurkan masjid-masjid Allah” ialah bahawa orang-orang musyrikin tidak mungkin akan dapat memakmurkan masjid-masjid Allah walaupun di mana mereka berada. Ini bererti bahawa masjid itu tempat sujud dan perbuatan sujud itu hanya dilakukan kerana Allah sahaja bukan kepada yang lain. Oleh yang demikian orang-orang musyrikin tidak dapat memakmurkan masjid-masjid Allah kerana ia adalah tempat sujud kepada Allah yang hanya mampu dilakukan oleh orang-orang muslim yang bertakwa sahaja. Lantaran itu tentu sekali mereka tidak mampu melakukannya dengan sebab kekufurannya.<sup>54</sup>

### 2.3.2 Masjid Menurut al-Sunnah

Terdapat banyak hadis-hadis yang berbicarakan mengenai masjid. Di antara hadis-hadis itu ada yang menjelaskan mengenai kedudukan masjid dalam Islam. Allah swt amat menggalakkan dan memberi keutamaan kepada sesiapa yang membinanya dan menggalakkan orang ramai mengimarahkan masjid dengan memberi keistimewaan kepada orang-orang yang melakukan amal solih di dalam masjid. Kedudukan masjid dalam Islam sangat tinggi dan mulia dan ini dapat dilihat dari beberapa sabda Nabi Muhammad saw :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

أَحَبُّ الْبَلَادِ إِلَى اللَّهِ مَسَاجِدُهَا وَابْعَضُ الْبَلَادِ إِلَى اللَّهِ اسْوَاقُهَا

---

<sup>54</sup> Abd. Malik Karim Amrullah, Prof. Dr.( 1980), *Tafsir al-Azhar*, Yayasan Nur Islam, Jakarta, j0:126 .

Maksudnya :

*“Tempat yang paling disukai oleh Allah di bumi ini ialah masjid-masjidnya, dan tempat yang paling di benci di bumi ini ialah pasar-pasar ”.*<sup>55</sup>

Sabda Nabi Muḥammad saw yang maksudnya :

*“Dari Nabi Muḥammad saw, firman Allah, sesngguhnya rumah-rumahKu di bumi ialah masjid-masjid dan hamba-hambaKu yang melawat Aku di dalamnya ialah yang mengimarahkannya. Alangkah baiknya sihamba yang bersuci dalam rumahnya , kemudian ia datang melawatKu di dalam rumahKu , maka menjadi tanggungjawab ke atas yang diziarahi untuk memuliakan orang yang menziarahinya ”.*<sup>56</sup>

Oleh kerana mulianya masjid pada pandangan Islam, maka Rasulullah saw amat menggalakkan dan memberi keutamaan kepada umatnya supaya membina masjid. Sabda Nabi Muḥammad saw :

عَنْ عُثْمَانَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

مَنْ بَنَى مَسْجِدًا بَنَى اللَّهُ لَهُ بَيْتًا فِي الْجَنَّةِ

Maksudnya :

*“Daripada Othman R.A , berkata, telah bersabda baginda Nabi Muḥammad saw, sesiapa yang mendirikan atau*

<sup>55</sup> al-Imām Aḥmad ibn Ḥanbal ( t.t ), *Musnad al-Imām Aḥmad bin Ḥanbal*, Maktabah al-Islami, Beirut , 3:257 .

<sup>56</sup> al-Baīḍawī ( 1373H), *Tafsir al-Qur'ān al-Karīm* , Maktabah wa al- Maṭba'ah Muṣṭafā al-Halabī , Miṣr , hal .194 .

#### 2.4.1 Al-Masjid al-Harām

Al-Qur'an ada menceritakan tentang masjid-masjid yang utama di sisinya. Masjid al-Harām yang disifatkan sebagai Rumah Tertua adalah merupakan masjid yang paling awal didirikan oleh manusia dan menjadinya hidayah pertama bagi seluruh umat manusia di atas muka bumi ini. *Bait al-'Atiq* merupakan salah satu nama bagi Masjid al-Harām sebagaimana dinyatakan oleh Ibn Kathīr dalam tafsirnya.<sup>59</sup> Firman Allah swt :

إِنَّ أَوَّلَ بَيْتٍ وُضِعَ لِلنَّاسِ لِلَّذِي بِبَكَةَ مُبَارَّكًا وَهُدًى لِلْعَالَمِينَ

Maksudnya :

*" Sesungguhnya Rumah Ibadah yang mula-mula dibina untuk manusia (beribadah kepada Tuhan ) ialah Baitullah di Mekah yang diberkati dan (dijadikan) petunjuk hidayah bagi umat manusia ".*

Surah al-Imrān (3):96.

Dalam mentafsirkan ayat "للذى بيكة" Ibn Kathīr menyatakan maknanya ialah Ka'abah, Bait al-'Atiq, Bait al-Harām, al-Muqadas, al-Makmun.<sup>60</sup> Masjid al-Harām juga disebut di dalam al-Qur'an dengan pelbagai nama. Adakalanya disebut secara khusus melalui perkataan "al-Bait" seperti terdapat dalam firman Allah swt:

﴿ جَعَلَ اللَّهُ الْكَعْبَةَ الْبَيْتَ الْحَرَامَ قِيمًا لِلنَّاسِ وَالشَّهْرُ الْحَرَامُ وَالْهُدُىٰ وَالْقَاتِدٰ ﴾

<sup>59</sup> Ibn Kathīr, *Op. Cit*, 3:220-221.

<sup>60</sup> *Ibid*, 1:391.

Maksudnya :

*“ Allah telah menjadikan Ka’abah, rumah suci sebagai pusat (peribadatan dan urusan dunia ) bagi manusia, dan demikian pula bulan haram (mulia) dan binatang-binatang korban dan kalong-kalong binatang korban itu … ”*

Surah al-Maidah (5):97.

Pada tempat lain, al-Qur’ān ada menyebut perkataan *al-Bait* disandarkan kepada dirinya sendiri. Firman Allah swt :

وَإِذْ بَوَأْنَا لِإِبْرَاهِيمَ مَكَانَ الْبَيْتِ أَن لَا تُشْرِكُ بِسْ شَيْئاً وَطَهَّرْ بَيْتَنَا  
لِلظَّلَّامِينَ وَالْقَاتِلِينَ وَالرُّكُعُ السُّجُودُ

Maksudnya :

*“ Dan ingatlah ketika Kami memberikan tempat kepada Ibrahim di tempat Baitullah (dengan mengatakan): janganlah kamu mengisyirikkan dengan Aku dan sucikanlah rumahKu ini bagi orang-orang yang tawaf, dan orang-orang yang beribadah dan orang-orang yang ruku’ dan sujud ”.*

Surah al-Hajj (22):26.

Allah swt telah menceritakan dalam al-Qur’ān apa yang dilakukan oleh Nabi Ibrahim A.S dan putranya Ismail A.S yang membina Ka’abah. Dalam ayat di bawah itu, terdapat perkataan *al-qawa’ida* ( القواعد ) yang bermakna asas-asasnya sebagaimana Firman Allah swt :

وَإِذْ يَرْفَعُ إِبْرَاهِيمُ الْقَوْاعِدَ مِنَ الْبَيْتِ وَإِسْمَاعِيلُ

Maksudnya :

“Dan ingatlah ketika Nabi Ibrahim meninggikan (membina) dasar-dasar atau asas-asas Baitullah bersama Nabi Ismail ...”

Surah al-Baqarah (2): 127.

Pemakaian rangkaikata “يرفع القواعد” meletakkan asas-asas atau dasar-

dasar boleh memberi makna bahawa asas-asas untuk binaan Masjid al-Harām itu sudah wujud sebelum itu lagi. At-Tabarī dalam tafsirnya *Jāmi’ al-Bayān ‘an Ta’wil Ayyi al-Qur’ān* menjelaskan bahawa Nabi Adam A.S adalah pengasasnya yang pertama dan dalam buku yang bertajuk *The Concise Encyclopedia of Islam* menyatakan bahawa Nabi Adam dan anaknya Seth merupakan manusia yang mula-mula membinanya<sup>61</sup> kemudian asas-asas itu dibina semula oleh Nabi Ibrahim dan putranya Ismail A.S<sup>62</sup> selepas peristiwa banjir besar, Allah swt menenggelamkan kaum Nabi Nuh dan yang tinggal hanyalah yang beriman kepadaNya sahaja.<sup>63</sup> Ini bermakna masjid yang pertama dibina di atas muka bumi untuk beribadah kepada Allah swt ialah Ka’abah atau Masjid al-Harām.<sup>64</sup>

Menurut pandangan ilmu sejarah dalam penelitian tentang sejarah Ka’abah

<sup>61</sup> J. Peter Hobson (1988), *The Concise Encyclopedia of Islam*, Columbia University, New York. h. 214.

<sup>62</sup> *Ibid*, dan lihat dalam Al-Tabarī (1995), *Jāmi’ al-Bayān ‘An Ta’wil Ayyi al-Qur’ān*, Dār al-Fikr, Beirut-Lubnan, 1:759.

<sup>63</sup> *Ibid*, hal.760.

<sup>64</sup> Al-Nasā’i, Al-Hafiz Abū ‘Abd Rahmān Ahmād bin Syūib bin ‘Alī al-Nasā’i ( t.t ), *Sunan al-Nasā’i*, Dar al-Iḥyā’, Beirut, 2:32.

hanya mampu menceritakan kisahnya dari Nabi Ibrahim yang mana Nabi Ibrahim A.S telah melakukan pembinaan Ka'abah bersama putranya Nabi Ismail A.S. Nabi Adam adalah muslim yang pertama dan Ka'abah adalah binaan rumah ibadah yang pertama yang menjadi tempat Nabi Adam A.S untuk sujud kepada Allah Yang Maha Esa. Dari sini dapat disimpulkan bahawa Masjid al-Harām merupakan Masjid yang pertama bagi umat manusia.<sup>65</sup> Dalam hadis Nabi saw, nama Masjid al-Harām kadang-kadang disebutkan juga Masjid al-Ka 'abah.<sup>66</sup>

Dalam menggambarkan keutamaan Masjid al-Harām, Drs. Sidi Ghazalba dalam bukunya *Masjid Pusat Ibadah dan Kebudayaan Islam* ada menyebutkan :

*“Masjid al-Harām dapat ditafsirkan sebagai lambang dari semua masjid di dunia di mana umat Islam paling kurang lima kali sehari mengarahkan kepadanya dalam solah dan di mana umat Islam menuju ke sana sekali setahun sebagai lanjutan dari kunjungan mereka sekali setiap Juma'at ke masjid Jami'. Semua masjid di mana pun ia berada mengarahkan ke Masjid al-Harām, kerana Ka'abah merupakan Kiblat bagi semua masjid. Seluruh masjid adalah wakil dari Masjid al-Harām di tempatnya masing-masing. Masjid al-Harām adalah merupakan lambang dari kesatuan umah Islam seluruh dunia ”.*<sup>67</sup>

Disamping hubungan yang begitu rapat dengan ibadah harian dan mingguan, Masjid al-Harām yang menjadi induk bagi seluruh masjid, ia juga menjadi tumpuan seluruh umat Islam untuk menunaikan ibadah haji pada musim haji. Firman Allah SWT :

<sup>65</sup> Sidi Ghazalba , Drs., (1975), *Masyarakat Islam, Pengantar Sosiologi Dan Sosiografi* , Pustaka Antara, K. Lumpur , hal. 149.

<sup>66</sup> Al-Nasā'i, *Op. Cit*, hal . 33-35.

<sup>67</sup> Sidi Ghazalba, Drs., (1975), *Masjid Pusat Ibadah Dan Kebudayaan* . Cet. 3, Pustaka Antara , K. Lumpur, hal .108 .

وَأَذِنْ فِي الْأَنْسَابِ بِالْحَجَّ يَأْتُوكَ رِجَالًا وَعَلَنِ كُلِّ ضَامِرٍ يَأْتِينَ مِنْ كُلِّ فَجَّ

عَمِيقٍ

Maksudnya :

*"Dan serulah umat manusia untuk mengerjakan ibadah haji nascaya mereka akan datang (ke rumah Tuhanmu) dengan berjalan kaki dan dengan menunggang unta yang kurus yang datang dari segenap penjuru yang jauh "*.

Surah al-Hajj (22): 27.

#### 2.4.2 Masjid al-Aqṣa

Masjid yang ke tiga terpenting yang turut tercatat keistimewaan dan kedudukan dalam sejarah pembinaannya ialah Masjid al-Aqṣa.<sup>68</sup> Masjid al-Aqṣa diasaskan oleh Nabi Daud A.S dan Nabi Sulaiman A.S.<sup>69</sup> Ianya juga bertepatan dengan Firman Allah swt :

سُبْحَنَ اللَّهِي أَشَرَّى بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَا الَّذِي بَنَرَ كُنَّا حَوْلَهُ لِنُرِيهُ مِنْ عَائِدَتِنَا إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ

Maksudnya :

*"Maha suci Allah swt yang telah menjalankan hambanya (Muhammad saw) pada malam hari dari Masjid al-Harām (di Mekah) ke Masjid al-Aqṣa (Palestine) yang Kami*

<sup>68</sup> Muhammad bin 'Abd Allāh al-Zarkashī , Op . Cit, dan lihat Abū Ḥusain Muslim bin al-Hajjāj, ( 1981).*Saḥīḥ Muslim*, Dar al-Fikr, 5: 2-5. Jarak masa pembinaan di antara kedua-dua masjid (al-Haram dan al-Aqṣa) ialah selama 40 tahun .

<sup>69</sup> Ibn Khaldūn(1988), *Muqaddimah Tārīkh Ibn Khaldūn*,Dar al-Fikr, Beirūt-Lubnān, hal. 432.

*berkati sekelingnya untuk Kami perlihatkan kepadanya sebahagian daripada tanda-tanda (Kekuasaan dan kebesaran) Kami. Sesungguhnya Allah jualah Yang Maha Mendengar lagi Maha Melihat ”.*

Surah al-Isrā’(17):1.

Masjid al-Aqṣa juga telah menjadi kiblat yang pertama kepada orang-orang Islam di zaman permulaan Islam dahulu. Nabi Muhammad saw sembahyang mengadap ke kiblat Masjid Aqṣa selama 16 hingga 17 bulan, kemudian Allah swt menurunkan ayat 144, surah al-Baqarah untuk perpindahan arah kiblat. Dengan ayat inilah Allah swt telah memerintah supaya Rasulullah saw berpindah arah kiblat ke Ka’abah di Masjid al-Harām di Mekah yang selalu diidamkan oleh Nabi Muhammad saw sebagaimana firman Allah swt :

قَدْ نَرَى تَقْلِبَ وَجْهَكَ فِي السَّمَاءِ فَلَنُوَلِّنَّكَ قِبَلَةً تَرْضَهَا فَوَلَّ وَجْهَكَ  
شَطَرَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ وَحَيْثُ مَا كُنْتُمْ فَوَلُوا وَجْهَكُمْ شَطَرَهُ وَإِنَّ  
الَّذِينَ أَوْثَا آلَكِتَبَ لَيَعْلَمُونَ أَنَّهُ الْحَقُّ مِنْ رَبِّهِمْ وَمَا آلَلَهُ بِغَافِلٍ عَمَّا  
يَعْمَلُونَ

Maksudnya :

“ Krap kali Kami melihat kamu (Muhammad) berulang-ulang menadah tangan ke langit, maka Kami benarkan engkau berpaling mengadap ke kiblat yang engkau suka. Oleh itu palinglah mukamu ke arah Masjid al-Harām (tempat letak Ka’abah) dan di mana saja kamu berada maka hadapkanlah mukamu ke arahnya ... ”.

Surah al-Baqarah (2):144.

Walaupun pada hari ini al-Masjid al-Aqṣa sudah tidak menjadi kiblat umat Islam, tetapi ia tetap mempunyai kemuliaan dan kelebihan di sisi Allah swt. Ianya adalah tempat *mi'raj* Rasulullah saw dan ia termasuk dalam tiga buah masjid yang mempunyai keistimewaan yang tersendiri pada pandangan Islam.

Sabda Rasulullah saw :

لَا تَشْدُدُ الرِّحَالَ إِلَىٰ ثَلَاثَةِ مَسَاجِدٍ مَسْجِدِي

هَذَا وَالْمَسْجِدُ الْحَرَامُ وَالْمَسْجِدُ الْأَقْصَى

Maksudnya :

*“ Jangan kamu berlebihan bermusafir atau mengembara kecuali kepada tiga buah masjid, masjidku ini (masjid Nabawi), masjid al-Harām dan masjid al-Aqṣa ”.<sup>70</sup>*

Sabda Nabi saw lagi tentang kelebihan sembahyang di Masjid al-Aqṣa yang maksudnya :

*“ Satu kali sembahyang di Masjid al-Harām bersamaan seratus ribu kali di masjid lain, dan sekali sembahyang di Masjidku (Masjid an-Nabawi) di Madinah bersamaan scribu kali sembahyang di masjid lain dan sekali sembahyang di Masjid al-Aqṣa bersamaan dengan lima ratus kali sembahyang di masjid lain ”.<sup>71</sup>*

#### 2.4.3 Al-Masjid An-Nabawī

Satu lagi masjid yang mempunyai kedudukan dan kemuliaan di dalam Islam

<sup>70</sup>Tarmizi, Abū 'Īsa Muḥammad bin 'Īsa aṣ-Ṭarmizi (1965), *Sunan Tarmizi*, Maktabah Dār al-Dakwah, 2:9. Lihat dalam al-Imām Muḥammad bin 'Alī bin Muḥammad al-Shaukāni (1955), *Nail al-Autar*, Maktabah wa al- Maṭba'ah Muṣṭafā al-Babī al-Halabī, Miṣr, 1:301 .

<sup>71</sup> al-Imām Muḥammad bin Ismā'īl al-Kahlānī (t.t.), *Subul al-Salām*, Maktabah wal Maṭba'ah al- Muṣṭafā al-Babī al-Halabī, Qāhirah, 2:177 .

ialah Masjid An-Nabawī di Madinah al-Munawarah. Masjid ini adalah yang kedua terpenting dalam Islam dan merupakan asas terpenting di dalam Islam dari sudut ianya menjadi pusat penyebaran dakwah Islam keseluruh dunia dan sebagai asas pengamalan syariah dimulakan serta baginda saw banyak menghabiskan masanya bersama para sahabat beriktikaf dan beribadat didalamnya.<sup>72</sup> Firman Allah swt :

لَا تَقْعُمْ فِيهِ أَبَدًا لِمَسْجِدٍ أُتِيسَ عَلَى الْتَّقْوَىٰ مِنْ أَوْلِ يَوْمٍ أَحَقُّ أَنْ تَقْوَمَ  
فِيهِ فِيهِ رِجَالٌ يُحِبُّونَ أَنْ يَتَطَهَّرُوا وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُطَهَّرِينَ

Maksudnya :

*“ Janganlah kamu bersembahyang dalam masjid itu selama-lamanya. Sesungguhnya yang didirikan atas dasar takwa (Masjid Quba') sejak hari pertama didirikan adalah lebih patut kamu bersembahyang di dalamnya. Di dalamnya ada orang-orang yang ingin membersihkan diri, dan Allah menyukai orang-orang yang bersih ” .*

Surah At- Taubah (9):108.

Setelah Rasulullah saw menerima perintah daripada Allah swt supaya berhijrah ke Yathrib, baginda telah berhijrah bersama-sama Abū Bakr dan apabila baginda sampai di Quba' iaitu sebuah tempat yang terletak di sebelah selatan Madinah, kira-kira tiga batu atau lima kilometer jauhnya dari Kota Yathrib<sup>73</sup>. Nabi saw telah masuk dan singgah di Quba' selama empat hari iaitu hari Isnin hingga hari Khamis. Dalam masa empat hari itulah tercatat satu sejarah yang amat penting dalam sejarah Islam di mana pada hari pertama baginda sampai di Quba', baginda telah mengasaskan satu masjid yang dikenali dengan Masjid Quba'. Inilah masjid yang

<sup>72</sup> J. Peter Hobson, *Op.Cit*, hal. 216.

<sup>73</sup> *Ibid.*, hal. 217.

pertama yang dibina oleh Rasulullah saw bersama para sahabatnya atas asas takwa dalam Islam.<sup>74</sup>

Miskipun Masjid Quba' dibina dalam keadaan yang sangat daif dan sederhana, namun ia sudah cukup untuk menjadikannya sebagai model sebuah masjid kepada generasi selepasnya. Bangunan yang sangat bersahaja sudah memenuhi syarat-syarat yang diperlukan sebagai sebuah masjid. Ia mempunyai satu ruang empat persegi. Tingginya lebih kurang tinggi 7-8 kaki, tiangnya diperbuat daripada batang tamar, manakala di sebelah utaranya dibuat serambi untuk bersembahyang yang beratapkan pelepas tamar dan daunnya yang dicampurkan dengan tanah liat.<sup>75</sup>

Menurut sejarah bahawa setelah empat hari baginda saw di situ, baginda bersama Abū Bakr keluar daripada Quba' pada hari Juma'at selepas menunaikan solat Juma'at yang pertama, kemudian pergi ke Yathrib bersama sahabat dan pengikutnya yang lain dan sampai di Yathrib pada 12 Rabiul awal bersamaan 20 hari bulan September, 622 M.<sup>76</sup> Menurut Ibn Hisyam, setelah baginda sampai di tengah-tengah lembah Ranunāi (رَوْنَاءِ) iaitu tempat yang terletak antara Quba' dan Madinah, baginda berhenti di situ dan mengerjakan solat Juma'at bersama-sama pengikutnya di tempat Bani Salim bin Auf. Ini adalah solat Juma'at yang pertama yang dilakukan oleh baginda dalam Islam.<sup>77</sup>

<sup>74</sup> Ibn Hisyam, Abū Muḥammad ‘Abd Maṭlik bin Hisyam bin Ayyūb al-Ma’āfi al- Ḥamīri (1955), *Sirah An -Nabawiyah*, Maktabah wal Maṭba’ah Muṣṭafā al-Babi al-Halabī, Misr, 1:494 .

<sup>75</sup> Hassan Ibrahim Hassan, Dr ., *Op . Cit* , 1:100 .

<sup>76</sup> *Ibid.*

<sup>77</sup> *Ibid.*

Setelah sampai di Yathrib, Nabi saw telah disambut oleh penduduk Yathrib dengan penuh kegembiraan. Penduduk Yathrib berebut-rebut memegang tali unta (bernama Qaswa')<sup>78</sup> Nabi saw dan mempelawa baginda supaya singgah di rumah mereka. Unta yang dinaiki oleh baginda berhenti di suatu tanah lapang berhampiran dengan rumah Abū Ayyūb al-Ansārī. Tanah lapang yang diberkati Allah swt menjadi tempat singgahan RasulNya itu adalah kepunyaan dua orang anak yatim yang bernama Sahl dan Suhail bin Amru dari dari Bani Najjār. Kedua-dua mereka tinggal di bawah jagaan As'ad bin Zurārah. Oleh kerana cinta mereka kepada Nabi saw, mereka mahu berikan tanah itu percuma kepada Rasulullah saw untuk dibina masjid. Tetapi Nabi saw menolak pemberian percuma itu malah baginda telah membayarnya dengan harga sepuluh dinar. Di atas tanah itulah Nabi saw bersama para sahabat membina dan mendirikan masjid. Masjid itu kemudiannya dikenali dengan nama Masjid An-Nabawi.<sup>79</sup>

Tanah itu pada asalnya adalah halaman tempat jemuran buah tamar, di situ terdapat beberapa pokok kurma, beberapa runtuhan rumah dan bekas kubur orang musyrikin, kemudian halaman itu dibersihkan, segala pokok kurma dan belukar itu ditebang dan kubur-kubur orang musyrikin itu dibongkar dan dipindah tulang dari situ. Dalam usaha membangunkan masjid itu, Rasulullah saw sendiri telah bekerja dengan bersungguh-sungguh disamping dibantu oleh golongan Ansār dan Muhaṣirīn Akhirnya dari segala kerja sama yang dilakukan itu, maka terdirilah sebuah masjid dalam jangka masa yang begitu singkat. Masjid itu dikenali sebagai Masjid An-

<sup>78</sup> J. Peter Hobson, *Op.Cit.*

<sup>79</sup> Su'ad Mahir Muhammad, Dr.( t.t), *Masājid Miṣr wa Auliā'uh as-Ṣālihin*, Maktabah Muhammad Taufiq 'Uwaidah , Qahirah , hal. 34.

Tidak jauh dari masjid yang dibina itu, terdapat sebuah rumah yang dipunyai oleh Abū Khalid bin Zaid al-Khazrājī al-Ansāri. Di rumah itulah Nabi saw menetap buat sementara waktu semasa masjid an-Nabawi dalam proses pembinaan. Apabila bangunan masjid siap di bina, Nabi saw berpindah ke masjid dan dibina di tepi masjid beberapa buah bilik untuk Rasulullah saw dan isteri-isteri baginda. Ada sejarawan mengatakan terdapat sebanyak sembilan buah bilik yang di bina di sekeliling masjid itu.

Kesemua pintu bilik-bilik Rasulullah saw dan isterinya ditutup dengan menggunakan kulit-kulit unta yang digantung pada bahagian atasnya. Ukuran bilik itu sebenarnya sebagai kotak yang berbentuk empat persegi iaitu berukuran antara 3 meter panjang dan 3 meter lebar. Tiang-tiang Masjid al-Nabawi menggunakan pokok-pokok tamar yang dijajarkan setinggi 3 meter, dindingnya pula setinggi 1.4 meter dan lantainya pula diperbuat daripada batu-batu yang dicampur dengan lumpur.

Setelah Masjid Nabawi itu siap ia berbentuk hampir-hampir empat persegi tepat dengan ukurannya lebih kurang 45.7 meter disetiap penjuru. Pada masa itu masjid tersebut ada terdapat tiga buah pintu. Pintu-pintu itu ialah satu di bahagian selatan yang mengadap arah kiblat, satu pintu di sebelah timur yang dinamakan Bab al-Othman atau sekarang dikenali Bab Jibril, dan satu lagi di sebelah barat yang dikenali Bab al-Ateka ( sekarang dikenali Bab al- Rahmah).

---

<sup>80</sup> Sham al-Dīn Abī ‘Abd Allāh Muhammād (1950), *Zaad al- Ma’ād*, Edisi 2 , Maktabah wa al-Maṭba’ah al-Bābi al- Halabī, Miṣr, 1: 56.

## 2.5 Masjid Takwa Dan Masjid Dirār

Apabila seseorang yang akan membincangkan sama ada masjid itu didirikan di atas dasar takwa atau sebaliknya, maka perlu melihat garis panduan yang dinyatakan oleh Allah dalam al-Qur'ān sebagaimana firmanNya dalam surah at-Taubah yang maksudnya :

*"Janganlah engkau mendirikan sembahyang di masjid itu selama-lamanya kerana sesungguhnya (Masjid Quba') yang cngkau bina wahai Muḥammad ) yang telah diasaskan di atas dasar takwa dari mula wujudnya sudah sepatutnya cngkau sembahyang padanya. Di dalam masjid itu ada orang lelaki yang suka membersihkan dirinya dan Allah mengasihi orang-orang yang bersihkan diri mereka zahir dan batin. Maka adakah orang-orang yang membangunkan masjid yang didirikan atas dasar takwa kepada Allah dan untuk mencari keredaan Allah itu lebih baik ataukah orang yang membangunkan masjid yang didirikan di tepi jurang yang hampir runtuh, lalu runtuh ia dengan yang membangunkannya ke tepi api neraka. Dan ingatlah Allah tidak akan memberi hidayah petunjuk kepada orang-orang yang zalim ".*

Surah At-Taubah (9):108-109.

Ayat di atas menjelaskan bahawa Allah swt telah menegah Rasulullah saw supaya jangan sekali-kali mendirikan sembahyang di dalam masjid *Dirār*. Tegahan ini merupakan tegahan selama-lamanya bahkan yang patut didirikan sembahyang di dalamnya ialah masjid yang dibina atas dasar takwa kepada Allah swt sahaja.<sup>81</sup>

---

<sup>81</sup> Al-Qurtubī, Abu 'Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad al-Anṣārī al-Qurtubī (1967), *Tafsīr al-Qurtubī*, Dār al-'Arabi, Qāhirah, 8:209 .

### 2.5.1 Masjid Takwa

Sebagaimana yang dimaklumi bahawa masjid bagi orang-orang muslim mempunyai keistimewaan yang tersendiri yang tidak ada pada agama-agama lain. Di antara tujuan asas pembinaan masjid ialah untuk melaksanakan seluruh syiar agama dan memberi ilmu pengetahuan dalam bentuk halaqah atau kumpulan dan saling berkenalan antara satu sama lain yang dapat melahirkan kesatuan umat. Nabi saw telah melaksanakan berbagai-bagai tujuan di masjid yang menggambarkan bahawa Islam adalah agama yang syumul dan sempurna yang merangkumi soal dunia dan akhirat.

Menurut tafsir Tabarī dan Jalālain, ulama berselisih pendapat mengenai masjid yang dibina di atas dasar takwa. Ada golongan yang mengatakan masjid itu ialah Masjid Quba'. Sebahagian besar ulama yang menyatakan bahawa masjid yang dimaksudkan itu ialah Masjid Madinah al-Akhbar.<sup>82</sup> Ada setengah ulama yang menyatakan bahawa masjid yang diasaskan atas dasar takwa ialah Masjid Quba' dan masjid Nabawi di Madinah kerana kedua-duanya itu didirikan di atas dasar takwa semenjak hari pertama ianya di bina.<sup>83</sup>

As-Sanhaji menghuraikan di dalam tafsirnya bahawa maksud ayat yang bererti, (di dalamnya terdapat orang-orang yang suka membersihkan diri dan Allah swt kasih kepada orang yang bersih) ialah di Masjid Quba' dan Masjid Nabawi di Madinah telah dimakmurkan oleh orang-orang yang mendirikan sembahyang untuk

<sup>82</sup> Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Rahmān bin Abū Bakr al-Sayūṭī (1355H), *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīz*, Maktabah wa al-Maṭba’ah Sulaiman Marā’I , Singapura, 1:167. Dan lihat dalam Kitab Abū Ja’afar Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī (1967), *Tafsīr Ṭabarī* , Cet . 3, Maktabah wa al-Maṭba’ah ‘Īsa al-Babī al-Halabī , Misr , 1:26-27 .

<sup>83</sup> al-Ṭabarī, *Ibid* , hal . 27 .Lihat Dr. Yusof al-Qaradawī (1990), *Hudā al-Islām; Fatawā al-Mu’asharah* Dar al-Qalam, Kuwait 1:217.

mengingati Allah swt dan bertasbih kepadaNya sepanjang waktu pagi dan petang. Mereka suka membersihkan diri baik dari segi zahir dan batin dengan menjauhi segala perbuatan keji dan maksiat serta dosa-dosa lain disamping selalu bertaubat dan bersedekah.<sup>84</sup> Firman Allah swt :

إِنَّمَا يَعْمَلُ مَسْتَجِدٌ أَلَّا هُوَ مَعْلُومٌ بِاللَّهِ وَالْيَوْمُ آخِرٌ وَأَقَامَ الْأَصْلُوَةَ وَعَاتَى  
الْأَزْكَوَةَ وَلَمْ يَخْشِ إِلَّا اللَّهُ فَعَسَى أُولَئِكَ أَنْ يَكُونُوا مِنَ الْمُهَمَّدِينَ

Maksudnya :

*“Sesungguhnya yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan Hari Qiamat, mendirikan sembahyang dan mengeluarkan zakat, mereka tidak takut kecuali kepada Allah, maka diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk ”.*

Surah At-Taubah (9):18.

Dari ayat al-Qur'an yang dijelaskan di atas, dapat difahami bahawa masjid yang di dirikan atas asas takwa itulah yang dikira dan dinilai atau diterima oleh Allah swt. Seterusnya masjid yang diasaskan atas dasar takwa sahaja yang berhak untuk dimakmurkan oleh orang-orang yang beriman. Masjid yang didirikan atas dasar selain dari takwa kepada Allah tidak diakui oleh Allah swt dan seterusnya tidak harus bagi orang-orang yang beriman memakmurkannya kerana asas pembinaannya adalah untuk riak atau berbangga.

Dari sinilah, penulis dapat membuat rumusan bahawa masjid takwa ialah

<sup>84</sup> Ahmad Sanhaji Muhammad ( 1971), *Tafsir al-Qur'an*, Pustaka Nasional, Singapura,15:215. Lihat Ibn Kathir, ayat itu di turunkan kepada orang-orang di Quba' untuk membersih diri dan untuk beristinja' 2 : 387-388.

masjid yang dibina oleh orang-orang yang bertakwa. Orang-orang yang bertakwa itu adalah orang-orang yang mempunyai ciri-ciri seperti berikut;

1. Mereka itu terdiri daripada orang-orang yang beriman kepada Allah swt
2. Beriman kepada Hari Akhirat
3. Tetap mengerjakan sembahyang wajib
4. Mereka mengeluarkan zakat
5. Dan mereka merasa takut dan mengharap hanya kepada Allah swt sahaja.<sup>85</sup>

Jika diperhatikan daripada kelima-lima ciri yang dijelaskan oleh al-Qur'an itu yang menjadi asas pembinaan masjid takwa kepada Allah swt, penulis berpendapat ciri-ciri dan saranan ini kurang diberikan perhatian oleh masyarakat umat Islam sekarang ini, bahkan ianya mungkin menjadi sebutan sahaja, di mana soal tauhid dan keimanan kepada Allah dari sudut *Ulūhiyah*, *Rubūbiyah* dan bentuk syariat umum secara menyeluruh kurang berlaku dalam bentuk tindakan. Perlaksanaan syariat kepada Allah swt hanya dilakukan dalam bentuk khusus seperti sembahyang, puasa, zakat dan haji serta sedikit dalam bidang mu'amalat sahaja. Walaupun sembahyang fardu dilakukan, sebahagian umat Islam melakukannya secara sendirian (secara individu) di rumah masing-masing.

Jika sembahyang merupakan perkara yang paling asas dalam Islam tidak mampu dilakukan secara berjamaah, mana mungkin umat Islam berupaya membina

---

<sup>85</sup> Ramli Awang (1984), *Tagħut Dan Penyelewengan Masjid*, Dewan Pustaka Fajar, K Lumpur, hal . 31 .

tamadun ilmunya dan kemanusiaan yang cemerlang. Oleh kerana itu perkara yang yang paling utama dan pertama yang dilakukan oleh Nabi saw sampai di Quba' dan Madinah al-Munawarah ialah membina masjid dan mengarahkan para sahabat sembahyang di dalamnya secara berjamaah serta diisi dengan berbagai-bagai program. Perintah Nabi saw mempunyai makna yang sangat besar kepada Islam dan umatnya serta mampu dilaksanakan, umat Islam mampu memiliki keperibadian, akhlak, pemikiran dan hubungan mu'amalah sosio-budaya sesama manusia samada majmu' atau bukan majmu' dengan cara yang cemerlang, seimbang, adil dan sederhana sebagaimana ditunjukkan oleh generasi pertama dalam Islam.

### 2.5.2 Masjid Dirār

Mengenai masjid *dirār*, Allah swt telah menjelaskan ciri-cirinya sebagaimana yang terdapat dalam al-Qur'an , FirmanNya :

وَالَّذِينَ أَتَحْدُوْا مَسْجِدًا ضِرَارًا وَكُفْرًا وَتَنْرِيقًا بَيْنَ الْمُؤْمِنِينَ وَإِرْصَادًا  
لِمَنْ حَازَبَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ مِنْ قَبْلٍ وَلَيَخْلُقُنَّ إِنْ أَرَدْنَا إِلَّا لَحْسَنَتٍ وَاللَّهُ  
يَشْهُدُ إِنَّهُمْ لَكَذِبُونَ

Maksudnya:

*" Dan (diantara orang-orang munafiq juga ialah) orang-orang yang membina masjid dengan tujuan membahayakan (keselamatan orang-orang Islam) dan menguatkan keingkaran mereka sendiri, serta memecahbelahkan perpaduan orang-orang yang beriman dan juga untuk dijadikan tempat intipan bagi orang-orang yang telah memerangi Allah dan RasuNyA sebelum itu . Dan (apabila tujuan mereka yang buruk itu ketara) mereka akan bersumpah dengan berkata tidaklah yang kami kehendaki (dengan mendirikan masjid ini) melainkan untuk kebaikan semata-mata. Pada hal Allah menyaksikan bahawa*

*sesungguhnya mereka adalah berdusta* ”.

Surah At-Taubah (9):107.

Ayat ini diturunkan oleh Allah swt untuk menerangkan tentang perangai jahat dan tipu daya orang-orang munafik terhadap Nabi saw dan orang-orang mukmin. Orang munafik telah bersusah payah mendirikan masjid yang kononnya untuk kebaikan, tetapi masjid yang dibina itu adalah sebuah masjid *dirār*. Allah swt telah melarang Nabi saw dan para sahabatnya menunaikan sembahyang di dalamnya.<sup>86</sup>

### 2.5.3 Pengertian Dirār

Banyak pengertian yang telah diberikan oleh ahli *mufassirin* mengenai pengertian *Dirār*.<sup>87</sup> Menurut ahli takwil, perkataan *dirār* bererti mencemarkan kesucian masjid. Maksudnya ialah apabila orang-orang yang membina masjid itu dengan niat hendak memberi kemudarat dan memecahbelahkan perpaduan orang-orang yang beriman.<sup>88</sup>

Ada setengah ulama memberi pengertian *dirār* itu ialah sesuatu yang ada manfaat bagi seseorang dan membawa kemudarat bagi jirannya. Ada pula yang berpendapat bahawa *dirār* itu ialah sesuatu yang tidak ada manfaat kepada seseorang dan membawa mudarat kepada orang lain.

Mengikut riwayat para *mufassirin*, sebab ayat ini diturunkan ialah kerana

<sup>86</sup> Ibn Kathīr, *Tafsir Ibn Kathīr*, 2 : 389-390 . dan lihat al- Imām Fakh al-Dīn al-Rāzī Abū Abd Allāh Muḥammad bin Umar bin Ḥussain al-Qurāṣī (1938), *Tafsīr Fakhr al-Rāzī*, Maktabah al-Bahīmah, Miṣr, 16:195 .

<sup>87</sup> Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad al-Qurṭubī , *Tafsīr al- Qurṭubī* , 8:254 .

<sup>88</sup> Ibn. Kathīr, *Op.Cit* , 2 : 387 .

terdapat seramai dua belas orang orang munafik yang terdiri suku kaum ‘Aus dan Khazraj telah berpakat untuk membina masjid bagi menandingi masjid yang dibina oleh Nabi saw di Quba’. Masjid yang didirikan oleh golongan orang-orang munafiq itu dikenali sebagai Masjid *Dirār*. Masjid *dirār* ini mempunyai empat sifat iaitu ;

1. *Dirār* atau yang mengambil tempat untuk melakukan kerosakan
2. Kufur sebagaimana kata Ibn Abbas r.a
3. Untuk memecahkan perpaduan di antara orang-orang mukmin
4. Mengistiharkan permusuhan dan peperangan dengan Allah dan rasulNya.<sup>89</sup>

Ketua kumpulan munafik ini ialah Abū ‘Āmīr al-Rahīb seorang pakar ahli kitab datang untuk memerangi Nabi Muhammad saw dan juga para sahabatnya dengan tujuan untuk menghalau Nabi Muhammad saw dan orang-orang mukmin keluar dari bumi Yathrib. Jadi Masjid *Dirār* itulah yang dijadikan kubu untuk memerangi Rasulullah saw dan orang Islam di Madinah.<sup>90</sup>

Kebetulan pula masjid yang dibina oleh orang-orang munafik itu siap sebelum angkatan perang Rasulullah saw berangkat ke Tabuk. Maka beberapa orang munafiq telah datang menemui Rasulullah saw meminta agar bersembahyang di masjid yang mereka bina itu. Semuga dengan demikian dapatlah masjid itu diperakui sebagai masjid yang sah. Namun begitu, Allah swt telah memelihara RasulNya daripada memenuhi permintaan orang munafik untuk bersembahyang di masjid *dirār* dengan turunnya wahyu ayat 108, dalam surah at-Taubah melarang Nabi Muhammad saw dan

<sup>89</sup> Fakh al-Dīn al-Rāzī, *Op.Cit.*, 16:193, dan lihat Ibn Kathīr, Tafsir Ibn Kathīr, *Op.Cit.*

<sup>90</sup> Sayed Quṭub (1971), *Fī Zilāl al-Qur'ān*, Dār al-Kitab al-'Arabi, Beirut , 4:304-305.

umat Islam sembahyang di dalamnya untuk selama-lamanya.<sup>91</sup>

Walau bagaimana pun Nabi saw telah memberi jawapan sekarang kami hendak berangkat dengan segera ke Tabuk, tunggulah sehingga kami kembali nanti Insya Allah.<sup>92</sup> Tetapi selepas turunnya wahyu itu , permintaan dan hasrat orang-orang munafik dibatalkan oleh Nabi saw.

Setelah angkatan perang Rasulullah saw kembali ke Madinah dari Tabuk iaitu dalam masa sehari setengah lagi hendak sampai ke Madinah, maka turunlah malaikat Jibril a.s membawa berita tentang Masjid *Dirār* sebagaimana ayat di atas. Apabila Nabi saw menerima wahyu itu, baginda segera mengutuskan sekumpulan sahabat-sahabat untuk merobohkan masjid *Dirār* itu dan membakarnya sebagai satu penghinaan kepada orang-orang munafik. <sup>93</sup>

## 2.6 Peranan Masjid Pada Zaman Awal Islam

Antara peranan yang dimainkan oleh masjid pada zaman Nabi saw ialah ;

### 2.6.1 Masjid adalah tempat Ibadah Umat Islam

Fungsi masjid yang pertama dan utama sudah tentu menepati kata asal masjid itu sendiri iaitu tempat sujud. Ia merupakan tempat yang paling utama untuk melaksanakan ibadah sembahyang.<sup>94</sup> Masjid menjadi sebagai tempat ibadah yang utama dapat diperhatikan dari peristiwa Nabi saw yang berhijrah ke Yathrib ketika

<sup>91</sup> Ibn. Kathīr, *Tafsīr Ibn Kathīr*, Op . Cit , hal . 387 .

<sup>92</sup> Ahmad Muṣṭafā al-Marāghī (1373H), *Tafsīr al-Marāghī*, Maktabah wa al-Maṭba'ah Muṣṭafā al-Babī al-Ḥalabī , Misr, 10:26 .

<sup>93</sup> Ibn Kathīr, *Op. Cit.*, hal . 288 .

<sup>94</sup> Mohamad Muhsin Khan, Dr.(1979), *The Translation of the Meaning of Sahih al-Bukhari*, Kazi Pulication Lahore, Pakistan, 1:260 and 277.

mana baginda sampai di Quba', baginda Nabi saw telah membina Masjid Quba' bersama dengan para sahabat. Tindakan pertama Nabi saw selepas membina masjid ialah mendirikan sembahyang berjamaah bersama golongan Muhajirin dan Ansar.<sup>95</sup>

Di dalamnya orang-orang Islam digalakkan untuk berzikir, membaca al-Qur'an, berdoa dan berikhtikaf. Sembahyang lima waktu dikerjakan secara berjamaah dan begitu juga sembahyang Juma'at yang dilakukan setiap minggu. Di dalam bulan Ramadhan di galakkan umat Islam berikhtikaf, sembahyang terawih dan juga ianya menjadi tempat membayar zakat.<sup>96</sup> Firman Allah swt yang maksudnya :

*" Sesungguhnya orang yang memakmurkan masjid Allah adalah orang yang beriman kepada Allah dan Hari Akhirat, dan mendirikan sembahyang serta mengeluarkan zakat dan tidak takut kecuali kepada Allah swt sahaja ".*

Surah At-Taubah (9):18.

Melalui fungsi inilah, masjid telah berjaya membentuk anggota masyarakat Islam yang pertama itu menjadi umat yang kuat dan terbaik dalam sejarah tamadun umat Islam.

#### 2.6.2 Masjid sebagai tempat persidangan harian, mingguan dan tahunan

Masjid tidak hanya dijadikan tempat ibadah khusus sahaja di antara manusia dengan penciptanya, malah ianya juga merupakan pusat perhubungan antara sesama manusia. Melalui sembahyang lima waktu sehari semalam, masjid mampu memupuk semangat persaudaraan dan kemasyarakatan. Disetiap kali pergi masjid berlaku

<sup>95</sup> Sidi Ghazalba, Drs., *Op Cit*, hal.117.

<sup>96</sup> *Ibid*, hal.118.

pertemuan umat Islam dapat bertanya khabar dan berbincang mengenai masalah yang wujud di antara mereka.<sup>97</sup>

Dalam perjumpaan mingguan, semangat dan ikatan persaudaraan yang lebih luas dapat diadakan di masjid. Pada hari Juma'at bilangan jamaah yang hadir untuk sembahyang Juma'at merangkumi berbagai latar belakang kumpulan manusia yang luas dan besar dari beberapa tempat yang lebih jauh. Sembahyang Juma'at adalah fardu ain bagi umat Islam yang bermukim dan bermustautin. Dengan adanya sembahyang berjamaah sama ada untuk sembahyang fardu dan Juma'at hubungan sosial semakin erat terjalin dan perpaduan umat Islam semakin kukuh.

Perhimpunan tahunan sedunia umat Islam dapat dilakukan di Masjid al Ḥarām di Mekkah dan Masjid al-Nabawī di Madinah. Perhimpunan ini dilakukan setahun sekali melalui ibadah haji oleh seluruh umat Islam di dunia. Masjid al-Nabawī pernah berlangsungnya persidangan majlis syura semasa hayat Rasulullah saw. Keadaan ini berterusan sehingga pada zaman khulafā' al-Rāsyidīn khususnya semasa bai'ah ammah<sup>98</sup> Saidina Abū Bakr as-Siddiq dan Umar ibn al-Khattab r.a.

Perbincangan di masjid meliputi perkara-perkara yang melibatkan peperangan, perjanjian, perdamaian, masalah politik dan ekonomi negara.<sup>99</sup> Pada zaman Abū Bakr, majlis syura di kalangan pembesar Muhibbin dan Ansar di adakan di masjid Nabi saw. Hal yang sama juga berlaku pada zaman Umar al-Khattab,

---

<sup>97</sup> Hasan Ibrahim Hasan, Dr., *Op Cit*, hal .104 .

<sup>98</sup> *Ibid.* hal. 207 .

<sup>99</sup> *Ibid.* hal.105.

### 2.6.3 Masjid sebagai pusat pendidikan dan pengajian ilmu

Masjid Nabawi dan masjid-masjid lain yang wujud di zaman awal Islam merupakan madrasah dan pusat pendidikan dan pengetahuan Islam. Ia merupakan pusat pengajian bagi ilmu yang utama iaitu al-Qur'an, tafsir, hadis dan juga ilmu-ilmu lain. Ini merangkumi usaha-usaha membaca, memahami, mendalami dan menghayati isi kandungan al-Qur'an dan hadis Nabi saw. Umat Islam pada masa itu bukan hanya pakar dalam bidang agama bahkan menjadi pakar di dalam pelbagai bidang ilmu yang dikuasai (bahasa, diplomatik dan teknikal peperangan). Untuk melayakkan diri menjadi pendidik, pendakwah yang berwibawa keseluruh negara Islam dan negara bukan Islam umat Islam mesti menguasai ilmu dalam pelbagai bidang.

Di masjid menjadi tempat Nabi saw menyampaikan ilmu agama dan menjawab masalah yang timbul dikalangan masyarakat muslim. Di masjid juga Nabi saw mendidik dan membentuk peribadi para sahabat sehingga menjadi sebaik-baik manusia.<sup>101</sup> Ilmu Islam berkembang sehingga mencapai tingkat kedudukan yang belum pernah dicapai sebelumnya dan menjadi sumber kemajuan dan pengetahuan dunia barat pada hari ini.

Pada scrambi (anjung) Masjid Nabawi diadakan *halaqah-halaqah* untuk menyebarluaskan ilmu, *bermuzakarah*, berzikir dan bertasbih kepada Allah swt yang

---

<sup>100</sup> *Ibid*, hal.104 .

<sup>101</sup> Hasan Ibrahim Hasan, Dr., *Ibid*, hal. 104 dan 507 .

terdiri dari kalangan Ahli Suffah. Dalam penyebaran ilmu kepada manusia, Islam tidak pernah menolak peranan aqal (berbeza dengan apa yang dilakukan oleh penyeleweng-penyeleweng risalah agama lain), malahan Islam menyeru kepada pemantapan fungsi aqal dan ilmu pengetahuan. Firman Allah swt yang maksudnya :

*“Bacalah (wahai Muḥammad saw) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan sekalian makhluk. Ia menciptakan manusia daripada segumpal darah yang beku. Bacalah dengan nama Tuhanmu Yang Maha Pemurah, yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan. Ia mengajar manusia apa yang tidak diketahuinya ”.*

Surah al-‘Alaq (96):1-5.

Dan Firman Allah swt lagi yang maksudnya :

*“ ... katakanlah (wahai Muḥammad ) adakah sama di antara orang yang mengetahui dengan orang yang tidak mengetahui ”.*

Surah Az-Zumar (39): 9.

Menuntut ilmu merupakan kefarduan ke atas setiap muslim. Dari Semenanjung Tanah Arab keluarlah syiar-syiar menggalakkan umat Islam menuntut ilmu dalam pelbagai bidang, antara seruan supaya umat Islam mencari ilmu ialah “ Tuntutlah ilmu dari buaian hingga ke liang lahad, menuntut ilmu adalah menjadi fardu kepada setiap muslim ”. Dari sini jelaslah kepada kita, umat Islam amat berbeza daripada umat lain kerana mereka sangat perihatin dan mengambil berat tentang urusan menuntut ilmu. Masjid-masjid menjadi universiti-universiti yang mengurus hal ehwal pelajar yang berminat menuntut ilmu. Dari kedua-dua masjid (Masjid al-Harām dan Masjid Nabawi) dan masjid-masjid lain seperti di Baghdad, Syam, Fustat, al-Azhar dan

Andalusia Sepanyol dapat melahirkan beribu-ribu para ilmuan dan pakar dalam berbagai bidang. Di Fustat, Mesir, terdapat sebanyak 110 halaqah dan pengajian yang dijalankan siang dan malam. Bermula dengan ilmu yang ada dalam jiwa manusia, menggalakkan mereka menggunakan akal fikiran untuk berfikir.

Manakala di Masjid Besar Cardova, Andalusia, menjadi universiti yang pertama dan terbesar di Sepanyol. Pengajian ilmu dalam pelbagai bidang yang disampaikan oleh mahaguru yang disampaikan secara percuma. Universiti Cardova telah berjaya menarik minat pelajar-pelajar yang beragama kristian, lebih-lebih lagi orang-orang Islam, bukan hanya dari Sepanyol bahkan dari pelbagai pelusok dunia ... dari Eropah, Asia dan Afrika. Ini menggambarkan betapa besarnya pengaruh ilmu Islam kepada dunia barat yang mana ilmu Islam pada mula bertapak subur di masjid-masjid, kemudian dari masjidilah ia disebarluaskan kepada masyarakat.

Mereka datang untuk mendengar ceramah-ceramah ilmu yang disampaikan oleh para ulama' yang pakar dalam berbagai bidang ilmu seperti syariah, falsafah, perubatan, matematik, astronomi, kimia, fizik, tafsir, hadis, bahasa, seni bina, geografi, sejarah, biologi dan lain-lain lagi.<sup>102</sup>

#### 2.6.4 Perpustakaan Masjid

Kebiasaanya perpustakaan pada zaman awal Islam terletak pada bangunan masjid atau kadang-kadang terletak di bangunan lain yang berhampiran dengan masjid. Ada dikatakan orang yang pertama mewujudkan perpustakaan pada zaman

---

<sup>102</sup> Hasan Ibrahim Hasan, *Op. Cit*, hal. 514-521 .

awal Islam ialah Walid bin Yazid al-Umawi di Damsyik. Beliau juga mempelopori bidang terjemahan dengan mengarah penterjemah menterjemahkan buku-buku dalam pelbagai bidang ilmu seperti buku-buku perubatan, kimia, geografi, falak dan sebagainya daripada bahasa Yunani Qibti ke bahasa Arab.<sup>103</sup>

Harun al-Rasyid dikatakan mengasas sebuah perpustakaan di Baghdād. Tetapi setengah pendapat mengatakan orang yang mengasaskannya ialah Khalifah Abū Ja'afar al-Mansōr yang dinamakan *Bait al-Hikmah*. Perpustakaan ini telah menyimpan buku-buku tentang ilmu mantiq, ilmu-ilmu wahyu dalam berbagai-bagai bahasa seperti bahasa Arab, Yunani, Parsi, Suryani dan sedikit dalam bahasa India. Kemudian dikembangkan oleh Khalifah al-Makmūn dengan menyelaraskan serta menyusun buku-buku di suatu tempat khas dan kemudian dikemaskini dengan katalog untuk memudahkan para pembaca membuat rujukan dan kajian.<sup>104</sup> Beliau telah menempatkan beberapa orang ulama' untuk mengawasinya dan diberi gaji bulanan serta menempatkan seorang pemerhati atau pengawal dalam perpustakaan itu.

Perpustakaan telah bertambah dan tersebar dengan banyaknya di masjid-masjid di Baghdād, Mesir dan Andalusia. Di Baghdād di tubuh perpustakaan yang kedua yang dinamakan perpustakaan al-Kanakh. Ia dibina oleh Sabur bin Izdasyir. Perpustakaan tersebut terdapat sebanyak 10,000 naskah buku. Manakala kerajaan Andalusia, semasa pemerintahan Khalifah 'Abd. Rahmān al-Nasir dan anaknya al-Muntasir sangat mencintai buku-buku ilmiah dan mereka berdua dapat menggumpul

<sup>103</sup> Shaikh Ali Mohammad Mokhtar (1997), *Peranan Masjid Dalam Islam*, Yayasan Dakwah Islam Malaysia, YADIM, K. Lumpur, hal. 65.

<sup>104</sup> *Ibid.*

sebanyak 400,000 naskah buku-buku itu.<sup>105</sup> Begitu juga Kerajaan Fātimi di Mesir telah mencontohi apa yang dilakukan oleh Kerajaan Baghdađ dan Andalusia dengan menubuhkan Perpustakaan Khazanah. Dalam perpustakaan ini terdapat buku-buku ilmiah sebanyak 1.6 juta naskah dan buku-buku hasil tulisan al-Tabarī sahaja ada sebanyak 100,000 naskah.

Demikianlah antara peranan masjid dan penyebaran ilmu serta pendokongnya dalam menyediakan suasana yang kondusif serta bersesuaian dengan pelajar dan para alim ulama' yang cintakan ilmu, mencari dan menyebarkannya.

#### 2.6.5 Masjid dan Jihad

Pada permulaan Islam, masjid merupakan medan latihan ilmu-ilmu kesenian perang. Ini telah terbukti apabila orang-orang Habsyah telah bermain alat perang dan perisai pada Hari Raya di Masjid. Ummul Mukminin ‘Aisyah r.a telah menyaksikan sendiri perkara ini bersama-sama dengan Rasulullah saw yang telah melindungi Aisyah di belakang bahu Nabi Muḥammad saw.<sup>106</sup>

Kebanyakan sahabat menyediakan busur dan anak panah mereka di Masjid Nabi. Masjid juga menjadi tempat merawat orang-orang luka dan mengubati mereka yang cedera dalam perang. Rasulullah saw sendiri pernah menyuruh supaya mendirikan sebuah khemah di tepi masjid dan urusan rawatan diserahkan kepada Sahabiyah Rufaidah r.a bagi membalut luka tentera-tentera Islam yang cedera itu.

---

<sup>105</sup> *Ibid*, hal. 66-67.

<sup>106</sup> Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *Subul al-Salām*, *Op.Cit*, hal. 263.

Di masjid juga terdapat sebuah khemah Bani Ghaffār. Khemah yang didirikan berhampiran dengan masjid ini untuk Sa'ad bin Muaz, ketua kaum Aus yang luka di pelipis matanya semasa peperangan Khandak. Tujuannya ialah supaya beliau sentiasa berada berhampiran dengan Rasulullah saw. Dengan itu memudahkan beliau dilawati oleh Nabi saw dan memberi semangat dan ketenangan kepadanya.<sup>107</sup>

Masjid juga dijadikan pusat latihan ketenteraan disamping tentera-tentera diasuh dengan adab-adab yang baik samada dalam peperangan atau dalam keadaan aman. Adab-adab peperangan dalam Islam tidak seperti zaman jahiliah dan begitu juga tentang tujuannya. Kaum muslimin sangat mencintai untuk mati syahid, ini menyebabkan timbulnya rasa ketakutan dan kegeruan dalam hati musuh-musuh Allāh dan musuh-musuh Islam sebagaimana dinyatakan oleh Allāh swt yang maksudnya:

*“ Dan jangan sekali-kali kamu menyangka orang-orang yang terbunuh (gugur syahid) pada jalan Allah itu mati (mereka tidak mati), bahkan mereka adalah hidup di sisi Tuhan mereka mendapat rezeki ”.*

Surah al-Imran (3):169.

Pada zaman awal Islam, masjid merupakan sebuah institusi yang mula-mula sekali mengambil berat tentang manusia dan kemanusiaan serta ia menjadi sumber keberanian untuk berjihad, Islam memandang mulia seruan jihad. Masjid juga menjadi tempat memupuk semangat belas kasihan dan ihsan, *ukhuwwah*, kasih sayang dan hubungan *silaturahim* antara orang-orang Islam.<sup>108</sup> Islam dilihat sebagai penyelamat kemanusiaan dari fitnah dan bahaya yang mengancam manusia dan agama

<sup>107</sup> Mohammad Muhsin Khan, Dr. The Translation of the Meaning of Ṣahīḥ al-Bukhārī, *Op.Cit*, hal. 269.

<sup>108</sup> Syed Idrus Syed Mat Zin (1984), *Fungsi Masjid Dalam Islam*, Yayasan Dakwah Islam Malaysia, YADIM, K. Lumpur, hal. 17.

Islam juga menyeru kepada *ukhuwah* dan persaudaraan sejagat.<sup>109</sup>

## 2.7 Sejarah Masjid Negeri Arau, Perlis dan Pentadbirannya

Masjid Lama Arau di dirikan semasa al-marhum Syed Husain ibn marhum Syed Harun Jamalulail iaitu Raja Perlis yang pertama pada tahun 1250 H (1843M). Bangunan masjid lama didirikan daripada tanah liat, batu-batan, telur ayam dan manisan lebah.

Keluasannya 60 X 60 kaki persegi. Manakala atapnya daripada zin tebal, bangunannya berbentuk empat persegi bujur, di hadapannya terdapat makam diraja yang mangkat pada masa itu.<sup>110</sup> Di belakang masjid ada satu bangunan tempat anak kariah mengambil wuduk. Air wuduk disediakan oleh anak kariah secara bergilir-gilir. Lampu untuk menerangi masjid pada masa itu adalah dari lampu minyak tanah. Hamparan masjid pada masa itu diperbuatkan daripada rotan, mengkuang, rumput dan menerung.<sup>111</sup>

Pentadbiran masjid lama di bawah jabatan khas iaitu di bawah seorang penghulu masjid dan di bawahnya ada imam, bilal dan siak. Kawasan masjid dijaga secara gotong-royong semasa pemerintahan Raja Syed Hassan Jamalullail dengan baginda sendiri telah menempahkan sebuah mimbar besar yang diperbuatkan

<sup>109</sup> Mohammad Kamil Hj. Ab. Majid (Julai 2000), *Faham kebendaan : Pandangan Kritis Abū al-Hasan ‘Ali al-Nadwi*, *Jurnal Usuluddin*, bil. 11, A.P.I (Akademi Pengajian Islam), U. Malaya hal. 121.

<sup>110</sup> Engku Ibrahim Engku Ahmad. Seorang pemuda dari daerah Tunjung, Kedah, berkahwin dengan kerabat diraja Perlis yang bernama Syarifah Jalira bte Syed Muhammad, sebelah ibunya Syarifah Shamsiah bt Syed Abdullah bin Jamalullail.

<sup>111</sup> *Ibid.*

daripada kayu cengal yang dibawa dari Pulau Pinang. Mimbar ini masih diguna pakai sampai sekarang di Masjid Arau yang baru walau pun ia telah berusia 100 tahun.<sup>112</sup> Setelah negara mencapai kemerdekaan, Masjid Arau di bawah pemerintahan Tuanku Raja Syed Putra Jamalullail telah melakukan perubahan dengan menukarkan atap zinc ke atap genting dan pembesaran kawasan masjid telah dilakukan sebanyak dua kali, lampu minyak diganti dengan lampu elektrik dan hamparan mengkuang dan menerung diganti dengan permaidani.<sup>113</sup>

Sistem gotong-royong pekerja kawasan masjid telah bertukar kepada sistem bergaji harian dan bulanan. Pada tahun 1973, anak kariah Mukim Arau, telah mendapat tapak baru untuk Masjid Arau di bawah kerajaan pimpinan Dato' Syed Ahmad bin Mohd Hashim yang telah mencadangkan tapak Masjid Negeri Arau di tapak yang ada sekarang ini. Kos pembinaan pada asalnya bernilai RM 400 000.00, tetapi dalam masa pembinaan kos itu telah meningkat dan pembinaan masjid itu ditangguhkan sementara waktu.<sup>114</sup>

Perletakan batu asas Masjid Negeri Arau telah disempurnakan oleh Tuanku Raja Syed Putra pada hari Jumaat, 18hb. 3. 1972 bersamaan 2 Safar 1392 H. Tarikh pembukaan rasmi masjid negeri Arau ialah pada hari Jumaat 6hb. 2. 1976 bersamaan 6 Safar 1396 Hijrah dan masjid tersebut telah berlaku proses pembesaran sebanyak dua kali seperti mana yang ada sekarang ini.<sup>115</sup> Kampung-kampung yang di bawah naungan Masjid ini ialah Kampung Banat, Kampung Guar Sanji, Kampung Utan

<sup>112</sup> *Ibid.*

<sup>113</sup> Syed Ahmad Syed Alwi, bekas imam pada tahun 1952-56, dan bekas exco kerajaan Negeri Perlis.

<sup>114</sup> Syed Sultan bin Alam, bekas siak dari tahun 1964-1997 dan masih lagi bertugas sebagai bilal secara kontrak.

<sup>115</sup> *Ibid.*

Kandis, Behor Mengkuang, Kampung Kebun, Kampung Belukar, Kampung Utan Arau, Kampung Tok Naya, Kampung Rani Estet dan Kampung Bakun.<sup>116</sup>

Jarak Masjid Arau dengan Istana Arau adalah 50 meter, jaraknya dengan Bandar Kangar adalah 10 km. Keluasan kawasan Masjid Arau 8752 meter persegi,<sup>117</sup> manakala keluasan masjid selepas dua kali tambahan dibuat ialah 3505 meter persegi.<sup>118</sup> Ia terletak bersebelahan dengan Balai Polis Arau dan berhadapan dengan Istana Arau.

### 2.7.1 Pentadbiran Masjid Negeri Arau

Ahli jawatan kuasa (Lembaga) masjid ini terdiri daripada;

1. Pengurus masjid, YAB Dato' Sri Shahidan bin Kassim (Menteri Besar Negeri Perlis).
2. Timbalan Pengurus masjid, YB. Dato' Setia Jaya Abu Bakar bin Hj. Ahmad.
3. Setiausaha, pengarah jabatan agama Negeri Perlis ( En. Sazali bin Hj. Hussein).
4. Penolong Setiausaha, Hj. Zainuddin bin HJ. Hashim ( Penghulu Mukim Arau).
5. Bendahari, Hj. Ahmad bin Mahad Adam (Imam II Masjid Arau sekarang).<sup>119</sup>

---

<sup>116</sup> *Ibid.*

<sup>117</sup> Lihat lampiran 1 a dan 1 b.

<sup>118</sup> Dari Pejabat Jurutera JKR Negeri Perlis. Lihat lampiran 2a,b,c dan d adalah Masjid Arau sekarang.

<sup>119</sup> Sumber dari Pejabat Pengarah Agama Islam Negeri Perlis.

Pegawai-pegawai dan kaki tangan Masjid Arau sekarang terdiri daripada;

1. Seorang imam tetap, iaitu Hj. Ahmad bin Mahad Adam.
2. Dua orang bilal , iaitu Zubair bin Hj. Abdullah dan Syed Sultan bin Alam.
3. Siak masjid , Wan Mansor bin Wan Din (secara kontrak).
4. Dua orang pekerja rendah awam iaitu Hussim bin Haron dan Husin bin Othman.<sup>120</sup> Sila lihat lampiran (3 a, dan 3 b(i) dan b(ii) ).

### **2.7.2 Sumber Kewangan Masjid Negeri Arau**

Sumber kewangan masjid ini diperolehi melalui;

1. Tabung kebajikan masjid.
2. Sewa-menyewa pinggan-mangkok masjid kepada masyarakat Islam tempatan.
3. Derma orang perseorangan. Pendapatan dari Tabung kebajikan masjid, sewa-menyewa pinggan-mangkok dan derma perseorangan setiap bulan RM 1200.
4. Tabung anak yatim, tabung ini khusus untuk anak yatim sahaja.<sup>121</sup>
5. Peruntukan dari Kerajaan Negeri mengikut keperluan masjid dari masa ke semasa. Menurut Dato' Setia Jaya Hj. Abu Bakar dan Dato' Panglima Alim Mufti Kerajaan Negeri Perlis, Dato' Mat Jahya Hussin, soal kewangan tidak menjadi masalah kerana Masjid Arau dibawah tanggungan kerajaan negeri.<sup>122</sup>

### **2.7.3 Program-program yang telah dilaksanakan oleh Masjid Negeri Arau**

- 1.Kuliah maghrib, ianya telah dipimpin oleh;

<sup>120</sup> Dari Pejabat Agama Islam Perlis.

<sup>121</sup> Dari Syed Sultan bin Alam.

<sup>122</sup> Wawancara pada 5hb. Sept., 2002.

- i. Ustaz Mohd bin Jusoh yang memberi kuliah tafsir pada setiap minggu, Rabu malam Khamis. Kehadiran para jamaah lebih kurang 70 –125 orang.<sup>123</sup>
- ii. Ustaz Yaakub bin Abbas yang memberi kuliah umum dan semasa pada setiap minggu, yang diadakan pada hari Isnin malam Selasa. Kehadiran para jamaah antara 170-300 orang.<sup>124</sup>
- iii. Ustaz Othman bin Ismail (Qadi Besar Perlis) yang mengajar ilmu tauhid. Ia dilakukan setiap minggu pada hari Jumaat malam Sabtu. Kehadiran ahli jamaah antara 100-160 orang.
- iv. Ustaz Ismail bin Hashim yang mengajar bacaan al-Qur'an secara bertajwid. Kuliah ini dilakukan pada hari Khamis malam Jumaat yang mana jumlah kehadirannya antara 20-45 orang sahaja.<sup>125</sup>

2. **Kuliah Subuh.** Kuliah subuh dikelolakan oleh imam masjid itu, jika imam tidak hadir ia diambil alih oleh bilal yang disampaikan setiap kali selepas sembahyang subuh. Kadang-kadang kuliah Subuh ini dikelolakan oleh Tuan Mufti Negeri. Kuliah subuh banyak dipetik atau diambil dari kitab tafsir dan terjemahan sebanyak lima ayat, kemudian dibuat huraiannya. Ia juga diambil dari hadis saw, satu petikan hadis diambil, kemudian dibuat huraihan dan kadang-kadang dari sirah Nabi. Kehadiran ahli jamaah antara 60-100 orang. Manakala ahli jamaah yang ada kerja atau urusan lain, mereka terpaksa meninggalkan majlis itu selepas sembahyang Subuh secara berjamaah.

---

<sup>123</sup> Pemerhatian penulis yang berada di masjid itu semasa membuat kajian ini selama 9 bulan dari bulan April – Disember 2001.

<sup>124</sup> Ibid.

<sup>125</sup> Ibid dan Syed Sultan Alam.

**3. Kuliah Kursus Haji.** Ia dipimpin oleh Qadi Besar Perlis (Ustaz Othman Ismail) selama lima bulan setiap tahun, iaitu dari bulan Jamadil Akhir hingga bulan Syawal. Ianya diadakan pada setiap hari Ahad pada jam 9.00 hingga 10.30 pagi. Kehadiran ahli jamaah amat menggalakan iaitu 300-400 orang.

**4. Kelas Fardu ‘Ain dan bacaan Muqadam.** Kelas ini dipimpin oleh bilal masjid (Ustaz Ismail bin Hashim, beliau bekas qari peringkat negeri dan kebangsaan) yang khusus untuk kanak-kanak sekolah rendah. Kanak-kanak ini datang dari masyarakat Islam sekitar Masjid Arau. Bilangan pelajarnya antara 20-35 orang. Kelas fardhu ain dan bacaan muqadam diadakan tiga kali seminggu pada waktu 2.30 hingga 5.00 petang. Beliau juga membimbing membaca al-Qur’ān secara bertajwid bagi golongan dewasa yang di adakan dalam bilik mesyuarat masjid. Penglibatan masyarakat Arau dalam kelas ini antara 20-45 orang sahaja.<sup>126</sup>

**5. Kelas tadika Islam.** Kelas tadika Islam ini dikelolakan oleh Jabatan Agama Islam Perlis. Kelas ini dijalankan dibangunan belakang Masjid Arau yang mana tenaga pengajarnya ada dua orang dan dibantu oleh seorang pembantu. Gaji dua guru dan pembantu dibayar oleh Jabatan Agama Islam Perlis, manakala bilangan pelajarnya seramai 24-30 orang sahaja. Pelajar dikenakan yuran pendaftaran sebanyak RM 20.00 dan yuran bulanan RM 10.00 sahaja. Pengambilan pelajar untuk tadika ini adalah terhad kerana kekurangan guru dan tempat yang sesuai untuk dijadikan tadika.<sup>127</sup>

#### **2.7.4 Pembahagian bahagian-bahagian utama Masjid Negeri Arau**

Masjid ini telah dibahagikan kepada empat bahagian utama iaitu;

---

<sup>126</sup> Syed Sultan Alam.

<sup>127</sup> Sumber dari JAIPs. (Jabatan Agama Islam Negeri Perlis).

Islam dan ia mempunyai kesan yang sangat besar dalam kehidupan mereka samada secara individu atau kumpulan. Oleh yang demikian, antara perkara yang utama dan pertama yang dilakukan oleh Rasulullah saw di Madinah ialah mendirikan masjid baginda yang mulia. Sesungguhnya baginda saw dan Allah swt amat menggalakkan umat Islam membina masjid atas dasar takwa dan memakmurkannya. Pada masa yang sama, umat Islam semestinya dapat memanfaatkan fungsi masjid sebagaimana ianya berfungsi pada zaman Nabi saw dan para sahabatnya, supaya sinar Islam dapat berkembang dengan subur dan menjadi rahmat kepada seluruh alam ini.

Fungsi masjid tidak seharusnya dipisahkan dengan aktiviti umat Islam sehari-hari sebagaimana berlaku perpisahan yang amat ketara antara gereja dengan masyarakat barat sehingga berlaku sekular di dunia barat. Islam adalah Ad-Din yang hidup, dapat menghidupkan hati dan jiwa umat manusia yang mahu hidup dalam fitrahnya. Fitrah manusia amat sesuai dengan Ad-Din Islam. Masjid seharusnya memperbanyakkan aktiviti-aktivitinya dalam pelbagai cabang supaya ia mampu menarik orang ramai ke masjid dan peranannya mampu dipulihkan kembali terutama sekali dalam bidang ilmu yang intim dengan masjid..